

ALUR SETAR, 16DIS. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI NASIB SENDIRI TANPA BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA KERAJAAN.

+ SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN PEMILIHAN KERAJAAN-KERAJAAN BERIKUTNYA, PELUANG DALAM BERBAGAI BIDANG SEPERTI PELAJARAN DAN PEKERJAAN SEMAKIN BERTAMBAH.

+ PELUANG-PELUANG SEPERTI INI PERLU DIJAGA DENGAN BAIK DAN MEREKA YANG TELAH MENDAPAT PELUANG INI HARUS BERSYUKUR KERANA KEUNTUNGAN DAN KEBAIKAN TIDAK MUNGKIN DIPEROLEHI TANPA BERUSAHA, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN BARISAN NASIONAL KOTA SETAR SEMPERA ULANGTAHUN KE-25 KEMERDEKAAN NEGARA, YANG DIADAKAN DISEKOLAH MENENGAH SIMPANG EMPAT, DEKAT SINI MALAM TADI, DAN DIHADIRI OLEH LEBIH 3,000 ORANG.

TAMBAHNYA PELUANG UNTUK BELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI DALAM DAN LUAR NEGERI KINI BEGITU LUAS TETAPI TERDAPAT PULA PELAJAR YANG + DIRASUK HANTU DALAM UNIVERSITI + SUPAYA JANGAN BELAJAR.--LAGI 1059:0M

PM-PELUANG 2 ALUR SETAR

+ HANTU-HANTU INI MENGHASUT PARA PELAJAR DENGAN BERKATA MEREKA YANG BELAJAR AKAN MENJADI ROBOT DAN HAMBAN ORANG, BAGAIMANAPUN, HANTU-HANTU INI TELAH DIHALAU DAN TIDAK BANYAK YANG TINGGAL.

+ PARA PELAJAR HARUS BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH MENDAPAT PELUANG BELAJAR DAN HARUS MENGGUNAKAN PELUANG INI SEPENUHNYA KERANA ILMU YANG DIPEROLEHI ITU ADALAH MODAL YANG TIDAK TERINILAIM.

+ MEREKA HARUS SANGGUP BERLATIH DALAM SEGALA BIDANG UNTUK MENDAPATKAN ILMU DAN MODAL YANG LEBIH BANYAK BAGI MENJAMIN KEBAHAGIAN HIDUP DIRI, IBUBAPA DAN KELUARGA, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA RAKYAT PERLU MENGUBAH SIKAP TERHADAP KEADAAN SEKELILING SERTA BERUSAHA DAN SANGGUP BELAJAR DARI KALANGAN YANG LEBIH BERPENGETAHUAN.

KATANYA ORANG MELAYU IRI HATI MELIHAT KEJAYAAN KAUM LAIN DAN INI ADALAH KESALAHAN MEREKA SENDIRI KERANA TIDAK BERUSAHA DENGAN TEKUN DAN TIDAK MENUMPUNKAN PERHATIAN KEPADA LATIHAN DAN PENGALAMAN DALAM PERNIAGAAN.--LAGI 1103/0M

NNNN

ZCZC B523:

PM-PELUANG 3 ALUR SETAR

KATANYA WALAUPUN PELUANG PEKERJAAN KINI TERDAPAT DENGAN BANYAK-NYA, TERDAPAT PULA MEREKA YANG TIDAK MAHU BEKERJA DAN MASALAH INI DAPAT DIATASI JIKA MEREKA MENGUBAH SIKAP.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR EKONOMI BARU ADALAH UNTUK ORANG MELAYU BERSAMA-SAMA MENGEJAR PELUANG DENGAN KAUM LAIN DAN BUKAN UNTUK MENJADIKAN ORANG MELAYU LEBIH KAYA DARIPADA KAUM LAIN.

KATANYA OLEH ITU LEBIH BANYAK PELUANG DISEDIAKAN UNTUK ORANG MELAYU YANG KETINGGALAN DAN PELUANG-PELUANG INI AKAN DITERUSKAN UNTUK MEREKA DAN KAUM LAIN.

TAMBAHNYA USAHA INI BUKAN MEREKUT HAK ORANG LAIN ATAU TAMAK TETAPI SEMUA KAUM BEKERJASAMA DAN MENJALIN SIKAP HORMAT-MENGHORMATI BAGI MEWUJUDKAN KEADAAN TENTERAM.--BERNAMA 1106:0M